

KERTAS MAKLUMAN
CADANGAN MENGADAKAN SEMINAR 'SMART CITY@SEPANG'
DAN PELANCARAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR &
RENDAH KARBON CYBERJAYA 2025

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini adalah untuk mengambil maklum berhubung penyediaan Laporan Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar & Rendah Karbon Cyberjaya 2025 (Cyberjaya Smart & Low Carbon City Action Plan 2025) dan seterusnya mengadakan 'SEMINAR SMART CITY@SEPANG' dan pelancaran Pelan Tindakan Bandar Pintar & Rendah Karbon Cyberjaya 2025.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Pihak Majlis Perbandaran Sepang telah melantik Perunding Akitek Jururancang (Malaysia) Sdn Bhd, (APUDG) bagi menjalankan kajian penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Karbon Cyberjaya bermula pada 1 Disember 2016 hingga 17 Ogos 2017.

2.2 Penyediaan Laporan Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar & Rendah Karbon Cyberjaya 2025 (Cyberjaya Smart & Low Carbon City 2025 Framework) ini merupakan sebahagian daripada cadangan yang telah dikemukakan daripada output Laporan "CO2 Baseline Data Report 2011". Ia juga merupakan sebahagian daripada respons kepada agenda negara dalam usaha mengurangkan tahap pelepasan CO2 dan mencapai pembangunan mampan di dalam mengharungi proses pembangunan bandar moden dan dinamik.

- 2.3 Penyediaan Laporan ini juga dilihat sebagai tindakan pro-aktif oleh Majlis Perbandaran Sepang (MP Sepang) dalam menyokong agenda Kerajaan Negeri Selangor dalam mengimbangi dan meningkatkan kemajuan manusia dan fizikal berdasarkan prinsip pembangunan lestari, melalui pelancaran Pelan Tindakan Teknologi Hijau Selangor 2016 -2018 serta pelancaran “*Smart Selangor Blueprint 1.0*”.
- 2.4 Aspirasi atau Visi Cyberjaya adalah untuk menjadi Bandar Pintar dan Rendah Karbon menjelang tahun 2025, di mana “Pintar” ditakrifkan sebagai memanfaatkan infrastruktur ICT untuk (1) meningkatkan kualiti hidup penduduknya, (2) memperbaiki kesejahteraan warganya dan (3) mewujudkan pendekatan yang bertanggungjawab dan mampan terhadap pembangunan dengan mengambil kira impak kepada alam sekitar. Manakala “Rendah Karbon” pula dirujuk sebagai usaha-usaha untuk menurunkan kadar pelepasan CO2 dalam menghadapi proses urbanisasi yang pesat.
- 2.5 Oleh itu, pembangunan Laporan Kajian ini dilihat penting untuk membimbing dan membantu MP Sepang dan rakan-rakan strategiknya (seperti Cyberview Sdn Bhd dan Setia Haruman Sdn Bhd) dan / atau pihak-pihak berkepentingan yang lain untuk melaksanakan agenda transformasi yang jitu ke arah menjadikan Cyberjaya sebagai bandar pintar dan rendah karbon menjelang tahun 2025.
- 2.6 Pembentukan CSLC 2025 adalah berpandukan kepada tiga (3) prinsip utama iaitu (1) Rendah Karbon, (2) Pintar dan (3) Komuniti untuk menentukan fokus utama pelan tindakan sejajar dengan situasi semasa Cyberjaya. Perincian laporan kajian ini akan diperincikan semasa **Majlis Perlancaran** di '**Seminar Sepang Ke Arah Perbandaran Pintar Dan Pembangunan Mampan**' yang dicadangkan akan berlangsung pada 28 November 2017 di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya.

3.0 **ASAS PERTIMBANGAN**

3.1 **OBJEKTIF SEMINAR :**

- i. Menggalakkan individu, pemaju dan para profesional serta pelbagai pihak berkepentingan melaksanakan pembangunan yang mengintegrasikan teknologi maklumat dan IOT (Internet of Things) selaras ke arah mewujudkan budaya pintar dan amalan hijau ke arah Bandar Pintar & Rendah Karbon ;
- ii. Menggalakkan membina bangunan dengan menekan ciri-ciri elemen pintar dan hijau serta mendapat pengiktirafan bangunan hijau ;
- iii. Menggalakkan amalan pintar dan hijau dan penggunaan peralatan bertaraf hijau dan menjimatkan elektrik (bertaraf 5 bintang) ;
- iv. Memperakui kerangka kerja dan mengintegrasikan kerangka bandar rendah karbon yang dibangunkan oleh KeTTHA dan pelaksanaan 'Smart City' / Smart State yang telah dibangunkan oleh MBI ;

3.2 **PESERTA / KUMPULAN SASAR**

Dianggarkan seramai 500 orang peserta akan terlibat di dalam seminar ini dan para peserta adalah seperti berikut :

- i. Pegawai dan Ahli Majlis, MPSepang ;
- ii. Agensi Kerajaan / Badan berkanun berkaitan ;
- iii. Jabatan-jabatan teknikal (Daerah Sepang)
- iv. Sektor swasta yang menyumbang secara langsung / signifikan dalam pembangunan di Daerah Sepang :
 - a) Pemaju
 - b) Syarikat (MSC / MNC)
 - c) Juru rancang Bandar
 - d) Jurutera
 - e) Arkitek
 - f) Arkitek Landskap

- g) Juruukur
- h) Juru Penilai / Akauntan
- v. Kontraktor-kontraktor pembinaan
- vi. Persatuan / Pertubuhan Profesional
 - a) Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP)
 - b) Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)
 - c) Persatuan Jurutera Perunding Malaysia (ACEM)
 - d) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
 - e) Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia (REHDA)

3.3 TENTATIF / ATURCARA PROGRAM

Perincian tentatif program adalah seperti di lampiran. Logistik seminar yang dicadangkan adalah di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya iaitu pada 28 November 2017 (Rujuk Brosur seperti di **LAMPIRAN**).

3.4 IMPLIKASI KEWANGAN

Setiap peserta akan dikenakan bayaran sebanyak RM250.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lima Puluh Sahaja). Bayaran akan di buat atas nama Kelab Sukan dan Kebajikan, Majlis Perbandaran Sepang. Manakala pegawai-pegawai dan Ahli Majlis, MPSepang, penceramah jemputan akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak Majlis.

Walau bagaimanapun, kos bagi bahan-bahan seperti Montaj dan Gimik Pelancaran serta cetakan Brosur akan disediakan oleh Majlis Perbandaran Sepang menggunakan peruntukan Vot sedia ada di Jabatan Perancangan Bandar iaitu vot Local Agenda 21 / Bandar Selamat / Smart City / Low Carbon City.

3.5 PROGRAM 'SMART PARTNERSHIP'

Seminar ini akan dianjurkan dengan kerjasama pihak MIP. Pihak Majlis menguruskan pendaftaran peserta dan kewangan, manakala pihak MIP menyediakan fasilitator untuk bimbingan kepakaran.

4.0 SYOR

Mesyuarat yang bersidang pada hari ini adalah dipohon mempertimbangkan syor-syor seperti berikut :

4.1 Bersetuju terhadap cadangan penganjuran '**SEMINAR SEPANG SMART CITY**' dan **Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Karbon Cyberjaya 2025**' pada **28 November 2017 (Selasa)** di **Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya**.

4.2 Bersetuju terhadap cadangan atur cara seminar seperti di **LAMPIRAN** ;

5.0 PENUTUP

Mesyuarat yang bermesyuarat pada hari ini dipohon untuk menimbang dan meluluskan syor di **para 4** seperti tersebut di atas.